



RISDA
PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN TENDER

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) mempelawa **pembekal-pembekal** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang **221801 (Syarikat Insuran)** untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan bekalan dan perkhidmatan seperti berikut :-

No. Tender	Tajuk Bekalan	Tarikh / Pejabat Untuk Membeli Dokumen Tender	Tarikh / Waktu Tutup / Pejabat Yang Mengeluarkan Tender
7.0-11/2020	MENYEDIAKAN DAN MEMBEKAL PERKHIDMATAN INSURAN HARTA BENDA RISDA UNTUK TEMPOH 2 TAHUN BAGI TAHUN 2020/2021 DAN TAHUN 2021/2022	30.09.2020 sehingga 22.10.2020 (RABU) (KHAMIS) Tempat : Unit Gaji & Perolehan, Tingkat 7, Bahagian Kewangan dan Belanjawan, Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang, 50990 Kuala Lumpur.	22.10.2020 (KHAMIS) Jam : 12.00 Tengahari Urusetia:- Unit Gaji & Perolehan, Tingkat 7, Bahagian Kewangan dan Belanjawan, Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang, 50990 Kuala Lumpur.

Dokumen Tender berharga RM350.00 senaskah. Bayaran dokumen tender hendaklah dalam bentuk Wang Tunai / Kiriman Wang Pos atau Deraf Bank atas nama "**RISDA AKAUN BHG KEWANGAN**". Bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Waktu urusan pembelian dan pertanyaan mengenai tender adalah seperti berikut :-

Isnin hingga Khamis : Dari jam **8:30** pagi hingga **12:30** tengah hari dan dari jam **2:30** petang hingga **3:30** petang;

Jumaat : Dari jam **8:30** pagi hingga **11:30** pagi dan dari jam **3:00** petang hingga **3:30** petang.

Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada pembekal yang sah saja. Satu pembekal dibenarkan membeli hanya satu naskhah dokumen tender sahaja. Untuk maksud ini, pembekal / wakil **wajib membawa Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang yang dinyatakan serta masih sah tempoh pendaftaran **serta DUA (2) salinan sijil berkenaan** untuk simpanan dan rekod bayaran pejabat ini semasa membeli dokumen tender.
PERKHIDMATAN FOTOSTAT TIDAK DISEDIAKAN.

Dokumen **Tawaran Tender Teknikal** dan **Tawaran Tender Kewangan** yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan dalam **dua sampul surat berasingan yang bermeteri dan bertanda dengan jelas Nombor Tender dan Tajuk Bekalan**. Kedua-dua sampul tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul yang bermeteri dan bertanda dengan jelas Nombor Tender dan Tajuk Bekalan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti dinyatakan di atas.

RISDA tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran. Bukti pos tidak dianggap sebagai bukti penerimaan.

**"PEMBERI & PENERIMA RASUAH ADALAH SALAH
DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (AKTA 694)"**
TARIKH IKLAN : 30 SEPTEMBER 2020 (RABU)